

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	2 SEPTEMBER 2016

Tingkatkan kandungan tempatan dalam projek mega - NEC

Kurangkan import

Oleh KAMIL MASLIH
pengarang@utusan.com

■ PUTRAJAYA 1SEPT.

MESYUARAT Majlis Eksport Negara (NEC) Ke-6 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berpendirian, kandungan komponen dan perkhidmatan tempatan dalam projek-projek mega di negara ini perlu ditingkatkan.

Dengan kandungan komponen import dalam projek-projek berkenaan boleh mencecah antara 50 hingga 70 peratus, satu kajian akan dibuat untuk menilai keupayaan pembekal-pembekal tempatan agar dapat mengurangkan kebergantungan terhadap produk dan perkhidmatan import.

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani telah dipertanggungjawab untuk menggerakkan inisiatif tersebut dan sebuah pasukan daripada Bank Negara ditugaskan melakukan kajian terhadap projek-projek mega seperti transit aliran massa (MRT) 2 dan 3, projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura serta beberapa projek-projek infrastruktur lain.

Menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, secara keseluruhannya, sebanyak lima perkara utama dibincangkan dalam mesyuarat hari ini bagi meningkatkan eksport serta menjaga akaun semasa perdagangan negara agar kekal positif.

Jelas beliau, mesyuarat itu antara lain turut mengakui langkah-langkah bagi memudah cara prosedur kastam dan logistik perlu digiatkan bagi mengurangkan kos industri serta merencanakan



NAJIB TUN RAZAK menurunkan tandatangan pada plak semasa melancarkan jenama 'Beyond Nations' di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut hadir Mustapa Mohamed dan Dzulkipli Mahmud. - BERNAMA

kegiatan perdagangan.

Katanya, majlis itu juga memberi penekanan kepada sektor automotif dan komponen kereta untuk meningkatkan lagi kegiatan eksport agar jumlah import sebanyak RM11.7 bilion pada tahun lalu dapat dikurangkan kepada separuh menjelang 2020.

"Rancangan juga telah dibentangkan untuk meningkatkan eksport dalam sektor aeroangkasa merangkumi komponen pesawat dan MRO (perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih). Bagi tahun 2015, eksport Malaysia dalam sektor aeroangkasa adalah RM4.2 bilion

manakala import adalah RM10 bilion," katanya.

Dalam mesyuarat itu juga, kata beliau, keputusan juga dicapai untuk meningkatkan lagi kegiatan pelancongan kesihatan di negara ini dengan sasaran pendapatan sektor tersebut menjelang tahun 2020 telah ditingkatkan daripada RM2.8 bilion kepada RM4.2 bilion.

Hadir sama dalam mesyuarat di Bangunan Perdana Putra itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa

dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Dzulkipli Mahmud.

Bersempena mesyuarat itu juga, Perdana Menteri turut melancarkan kempen 'Beyonds Nations' yang bermatlamat membudayakan kegiatan eksport dalam kalangan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini.

Kempen yang digerakkan oleh Matrade itu menyasarkan sumbangan eksport sebanyak 17.6 peratus daripada PKS ketika ini dapat ditingkatkan kepada 23 peratus pada tahun 2020.

um- 2/9/2016